

Headline	37.5 kHz frekuensi standard kotak hitam		
MediaTitle	Berita Minggu		
Date	06 Apr 2014	Color	Black/white
Section	Nasional	Circulation	297,950
Page No	3	Readership	2,476,000
Language	Malay	ArticleSize	125 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 2,192
Frequency	Daily	PR Value	RM 6,576



37.5 kHz frekuensi standard kotak hitam

Kuala Lumpur: Isyarat dengan frekuensi 37.5 kHz yang dikesan sebuah kapal peronda China di lokasi pencarian MH370 di Lautan Hindi, kemungkinan berasal dari kotak hitam pesawat terabit dan ada berdekatan dalam radius lima kilometer.

Pakar kejuruteraan penerbangan UiTM, Dr Rizal Effendy Mohd Nasir, berkata kemungkinan besar isyarat dikesan oleh kapal Haixun 01 itu dari MH370 kerana 37.5 kHz adalah frekuensi standard kotak hitam.

Katanya, kemungkinan isyarat itu daripada peranti lain adalah rendah atau mungkin berasal dari pesawat juga mustahil kerana navigasi pesawat menggunakan frekuensi 115 MHz.

“Ya,, mungkin kotak hitam berada berdekatan dengan kawasan isyarat itu dikesan,” katanya mengulas perkembangan terkini pencarian MH370 itu.

Isyarat 'ping'

Agensi Berita Xinhua melaporkan kapal peronda

Haixun 01 itu mengesan isyarat getaran frekuensi 37.5 kHz di kawasan pencarian MH370 di selatan Lautan Hindi.

Sejurus perkembangan terkini itu, Presiden Dukane Seacom, Anish Patel, memberitahu CNN bahawa frekuensi itu sama dengan kotak hitam yang merakamkan data penerbangan dan suara

kokpit MH370. Dukane Seacom ialah pembuat kotak hitam yang mengeluarkan isyarat 'ping' MH370 yang jangka tamat hayat baterinya hari ini.

Tiada pengesahan

Setakat ini tiada pengesahan daripada Pusat Koordinasi Bersama Agensi (JACC) di Perth mengenai penemuan baharu itu.

Bekas Ketua Juruterbang Serantau Penerbangan Malaysia (MAS), Datuk Kapten Nik Ahmad Huzlan Nik Hussain ketika dihubungi, berkata pasukan mencari MH370 tentu sudah menggerakkan aset ke kawasan itu dengan segera bagi mencari sumber isyarat berkenaan.